

Seramai empat mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya mengikuti program perintis Pembangunan Keusahawanan Asnaf dalam usaha melahirkan usahawan berjaya.

Mahasiswa itu dibantu dari segi modal yang disumbangkan QSR Brands (M) Holdings Bhd (QSR Brands) kepada Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP) UPM bernilai RM50,000.

Dekan FEP, Profesor Dr Azali Mohamad berkata, program Pembangunan Keusahawanan Asnaf UPM-QSR itu bermatlamat melahirkan usahawan berjaya seterusnya menukar status usahawan asnaf UPM daripada menerima kepada pemberi zakat untuk membantu ekonomi ummah.

Katanya, empat penuntut yang terpilih diberikan modal pusingan sebanyak RM6,250 seorang untuk memulakan perniagaan masing-masing.

4 penuntut UPM terima modal pusingan



PENGURUS Besar, Jabatan Syariah dan Pematuhan Halal, QSR Brands, Roslan Saludin (tiga dari kiri) menyerahkan cek kepada Dr Azali (empat dari kanan).

“Peserta ini terdiri daripada dua penuntut FEP iaitu Nor Hafiza Md Zohir yang menjalankan perniagaan cendawan tiram dan Nurul Shahirah Hafit yang menjual serta mengedarkan buku ilmiah. Sementara dua lagi

penuntut ialah Noorfarina Amiera Mohamad Zapi dari Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, menjalankan perniagaan Surprise Delivery dan Nina Nadira Rosle dari Fakulti Pengajian Pendidikan yang menawarkan

khidmat sebagai pelatih kecergasan,” katanya.

Dr Azali memberitahu, tenaga pengajar daripada pensyarah FEP dan QSR Brands yang mewakili industri turut membantu memberi panduan dalam teknik penulisan dan

pembentangan rancangan perniagaan.

“Mereka juga diberi pendedahan lawatan industri ke Cameron Highlands dan melawat ladang strawberi yang dimiliki oleh alumni UPM,” katanya.

Katanya, program itu dibahagikan kepada empat fasa iaitu pemilihan penuntut dan fasa perkongsian ilmu yang membabitkan sembilan modul komprehensif berkaitan pembangunan keusahawanan.

Fasa ketiga dan keempat pula ialah pembentangan pelan perniagaan oleh penuntut asnaf serta pemilihan calon yang berjaya untuk diberikan modal pusingan.

“Modul komprehensif yang diberikan kepada peserta membuatkan hasil apabila empat usahawan asnaf perintis kerjasama UPM-QSR

berjaya mengembangkan perniagaan masing-masing sehingga ada yang memperoleh pendapatan mencecah lima angka,” katanya.

Usahawan asnaf itu juga menyahut cabaran dengan menyertai Halfest 2019 di Pusat Pameran dan Konvensyen Antarabangsa Malaysia (MIECC) di Mines, Seri Kembangan, Selangor untuk mengembangkan perniagaan dan jaringan melalui penajaan ruang pameran daripada pihak QSR Brands.

Selain QSR, kerjasama membantu penuntut asnaf UPM turut membabitkan Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, Institut Penyelidikan Produk Halal serta Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN).

Setakat ini, FEP menerima tajaan daripada QSR Brands sebanyak RM200,000 untuk melaksanakan pelbagai program untuk pembangunan mahasiswa dan komuniti.